



**TEKS UCAPAN
YANG BERUSAHA TUAN IR. HAJI CHEREMI
BIN HAJI TARMAN**

**TIMBALAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL.5/2022**

27 MEI 2022, JUMAAT

09:00 | BILIK SIANTAN

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato'
Hj Wan Mahmood Pa' Wan Teh**
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.5/2022 bagi bulan Mei** pada pagi yang berbahagia ini.

1. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

- 1.1 Untuk makluman, sehingga 30 April 2022, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2022 sebanyak RM 48.95 juta (92.10%) daripada RM 53.15 juta.
- 1.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 4.46 juta (55.73%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 8 juta.
- 1.3 MPS telah mengeluarkan notis (Borang E) kepada pemilik yang masih mempunyai tunggakan selepas tamat tempoh bayaran pada 28 Februari 2022 dengan caj tambahan sebanyak RM 20.00. Tempoh notis telah tamat pada 31 Mac 2022. Pemilik yang masih mempunyai tunggakan akan dikenakan tindakan waran tahanan dengan caj tahanan sebanyak RM100.00 bermula 1 April 2022.

- 1.4 MPS kini sedang mengadakan kempen bayar tunggakan cukai taksiran bagi rumah kampung dan kos rendah yang mendapat pengecualian cukai. Bagi pemilik yang membuat bayaran secara penuh, pembatalan waran tahanan dan caj dikenakan 100% akan diberikan.
- 1.5 Kepada pemilik yang tidak termasuk dalam kategori kempen ini, layak diberi pertimbangan pengurangan waran tahanan bagi bayaran secara penuh atau ansuran.
- 1.6 Maklumat mengenai kelayakan pengurangan boleh diperolehi di Kaunter Bayaran Cukai Taksiran MPS dan tempoh bayaran adalah bermula dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022.

2. SEKATAN MELALUI E-SIM

- 2.1 MPS telah mengenakan sekatan e-SIM bagi semua permohonan dan kelulusan di peringkat Majlis. Pelaksanaan e-SIM telah dilaksanakan melalui

Arahan Pentadbiran Bilangan 1 Tahun 2022 dan mula dilaksanakan pada 1 Mac 2022.

- 2.2 Sekatan e-SIM bagi semakan tunggakan hasil di MPS juga dilaksanakan sewaktu proses permohonan di jabatan MPS melalui portal my-esim.mps.gov.my
- 2.3 Sehingga 12 Mei 2022, sebanyak RM 2.604 juta tunggakan telah disekat melalui e-SIM dan bayaran yang diterima adalah sebanyak RM 219,379.96.

3. PEMAKLUMAN PENUTUPAN OPERASI KAUNTER PERKHIDMATAN JABATAN DI LOBI MENARA MPS

- 3.1 Untuk makluman, semua kaunter perkhidmatan jabatan yang beroperasi di ruang Lobi Menara MPS telah mula beroperasi seperti biasa di kaunter jabatan masing-masing berkuat kuasa pada 05 Mei 2022.

3.2 Sebelum ini, MPS telah mengambil inisiatif memindahkan kaunter-kaunter ini ke Lobi Menara MPS sebagai salah satu langkah keselamatan sebagai pematuhan SOP selain mencegah penularan wabak Covid-19.

4. MAJLIS RUMAH TERBUKA AIDILFITRI NEGERI SELANGOR PERINGKAT DAERAH GOMBAK

4.1 Untuk makluman semua, Rumah Terbuka Aidilfitri Negeri Selangor Peringkat Daerah Gombak telah diadakan pada 16 Mei 2022 (Isnin) jam 8.00 hingga 11.00 malam bertempat di Tapak Pasar Ramadan Taman Melawati.

4.2 Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, MPS, MPAJ dan juga agensi di Daerah Gombak telah ditugaskan untuk menjadi urusetia program ini.

- 4.3 Alhamdulillah, walaupun dengan waktu persediaan yang singkat majlis telah berjalan lancar dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dengan kehadiran lebih 10,000 pengunjung.
- 4.4 Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan MPS yang terlibat semasa persediaan majlis sehingga majlis selesai. Terima kasih juga kepada semua Ahli Majlis dan para pengarah yang hadir bagi bersama-sama memeriahkan majlis ini.

5. BANTUAN MISI PEMBERSIHAN BANJIR DI KERLING HULU SELANGOR

- 5.1 Untuk makluman semua, MPS telah menyertai bantuan kerja pembersihan pasca banjir oleh agensi negeri Selangor di Keling, Hulu Selangor pada 19 Mei 2022 (Khamis).

- 5.2 Seramai 339 orang sukarelawan dari pelbagai agensi turut menyertai misi ini dan MPS telah menghantar seramai 83 orang sukarelawan dan 18 aset jentera telah digerakkan bagi membantu kerja-kerja pembersihan.
- 5.3 Terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam misi ini dan saya berharap dengan bantuan kecil MPS ini ianya dapat mengurangkan beban mangsa yang terkesan akibat bencana luar jangka ini.

6. PROGRAM KITAR SEMULA MINYAK MASAK TERPAKAI SEMPENA HARI GURU DAN HARI IBU KAKITANGAN MPS

- 6.1 Pada tahun 2021, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan telah mengadakan Pertandingan Kitar Semula Minyak Masak Terpakai Peringkat Zon Ahli Majlis dan Jabatan Dalaman MPS dengan jumlah kutipan sebanyak 1,181 kg.

- 6.2 Program yang dilaksanakan merupakan inisiatif daripada Kempen 3R iaitu *Reduce, Reuse & Recycle* bagi mempromosikan amalan cara hidup lestari ke arah mewujudkan masyarakat di Selayang agar lebih prihatin terhadap pemeliharaan alam sekitar dan amalan kitar semula di kalangan penduduk MPS.
- 6.3 Sehubungan itu, pada hari ini kempen ini diteruskan melalui Program Minyak Masak Terpakai Sempena Hari Guru dan Hari Ibu Peringkat MPS.
- 6.4 Program ini adalah untuk meraikan Hari Guru dan Hari Ibu yang jatuh pada bulan yang sama iaitu pada bulan Mei dan ianya bertujuan bagi meraikan para guru dan pesara guru dalam kawasan pentadbiran Majlis dan kakitangan MPS bergelar ibu di samping membudayakan aktiviti kitar semula minyak masak terpakai.

6.5 Harga belian minyak masak terpakai sempena kempen ini adalah RM 1.00 per kilogram. Sasaran adalah kepada para guru, pesara guru dan kakitangan MPS yang bergelar ibu di mana 100 orang pertama yang menjual minyak masak terpakai melebihi 3 kg akan mendapat cenderahati daripada MPS.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh